

03 AUG, 2024

JKDM diminta tampil beri penjelasan

Utusan Sarawak, Malaysia



JKDM diminta tampil beri penjelasan

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diminta memberi penjelasan dengan lebih terperinci berhubung penetapan bercukai bagi orang berdaftar di bawah Kumpulan B.

Ketua Biro Pengaduan Awam Parti Rakyat Bersatu (SUPP), Milton Foo berkata JKDM perlu mengelakkan kekeliruan pelbagai pihak terutama pengguna dan pihak operator dan restoran.

Jelasnya, panduan makanan dan minuman baharu yang dikeluarkan pada 16 April lalu telah menimbulkan kekeliruan kepada pihak yang berkaitan.

"Dalam panduan ini muka surat tujuh jadual bil i menyatakan bahawa penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang adalah enam peratus. Kadar cukai perkhidmatan enam peratus.

"Tetapi dalam panduan dan jadual yang sama, muka surat lapen bil vi menyatakan bahawa penyediaan atau penjualan minuman tidak beralkohol adalah lapen peratus.

"Jadi bagaimana sekarang? Enam peratus atau lapen peratus untuk minuman tidak beralkohol? (kadar cukai perkhidmatan).

"Makanan memang tiada isu, enam peratus (bagi kadar cukai perkhidmatan) tetapi minuman menimbulkan kekeliruan yang mana minuman ada dua kategori iaitu beralkohol dan tidak beralkohol," katanya ketika bercakap semasa sidang media berkaitan isu tersebut di pejabat utama SUPP, semalam.

Menjelas lanjut berhubung isu terbabit, Milton berkata perkara tersebut turut menimbulkan ke-

SARAWAK FIRST 砂拉越优先 UTAMAKAN SARAWAK

SUPPORT GPS STRENGTHEN SARAWAK

支持GPS 壮大砂拉越

BERCAKAP... Milton Foo ketika memberi penjelasan semasa sidang media

bimbangan kepada pihak peniaga termasuk pihak operator dan restoran serta bistro dan lain-lain.


"Pihak operator, bisnes, entiti, mereka menjadi risau dan takut. (Kerana) sekarang sekiranya mereka mengenakan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) enam peratus, beberapa bulan kemudian pihak berkuasa datang dan menyatakan tiba-tiba berubah menjadi lapen peratus termasuk minuman tidak beralkohol.

"Justeru, adalah lebih baik sekiranya JKDM tampil bagi memberi penjelasan kerana isu ini tidak hanya memberi kesan kepada pihak peniaga malah memberi impak kepada para pelanggan kerana mereka juga perlu mengetahui dengan jelas hak mereka," tegasnya.

Dalam pada itu, Milton memberitahu setakat ini majoriti ahli di bawah Persatuan Restoran Sarawak mendedahkan mereka telah mengenakan cukai enam peratus setelah pelaksanaan panduan baharu pada April lalu.

Untuk rekod, Panduan Makanan dan Minuman yang dikeluarkan oleh JKDM pada 16 April 2024 adalah bagi menggantikan panduan sedia ada sebelumnya yang dikeluarkan pada 26 Jun 2023.

Kumpulan B merujuk kepada kepada kelompok layanan tertentu yang dikenakan cukai perkhidmatan di bawah Perkhidmatan Cukai 2018 meliputi restoran, bar atau kedai kopi.



03 AUG, 2024

JKDM diminta tampil beri penjelasan

Utusan Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

KUCHING: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) diminta memberi penjelasan dengan lebih terperinci berhubung penetapan bercukai bagi orang berdaftar di bawah Kumpulan B. Ketua Biro Pengaduan Awam Parti Rakyat Bersatu (SUPP),. Milton Foo berkata JKDM perlu tampil memberi penjelasan bagi mengelakkan kekeliruan pelbagai pihak terutama pengguna dan pihak operator dan restoran.Jelasnya, panduan makanan dan minuman baharu yang dikeluarkan pada 16 April lalu telah menimbulkan kekeliruan kepada pihak yang berkaitan.